

DI SEKELILING PERJUANGAN UMAT ISLAM INDONESIA

Kemenangan Islam di Tanah Melayu Disambut di Nusantara

Berhubung dengan kemenangan-kemenangan yang telah dicapai oleh bangsa Melayu di dalam pilihanraya bagi anggota Majlis Mesyuarat Negeri yang telah dilangsungkan di Tanah Melayu baharu-baharu ini, maka dengan ini kami menyatakan kegembiraan dan kesyukuran yang amat sangat kerana kemenangan dan kejayaan itu membuktikan kepada dunia luar betapa besarnya kesedaran dan keinsafan bangsa kita dan lapangan politik, dan dengan demikian diharap bahawa akan terhindarlah agama, bangsa dan tanah air kita dari

“bahaya kuning” yang sedang mengancam itu.

(oleh: Saifullah – Anak Melayu di Indonesia)

Memang sudah jelas dan terang bahawa “bahaya kuning” yang sedang bermaharajalela dengan hebatnya itu adalah suatu ancaman besar bagi keselamatan agama dan bangsa kita masa depan dan akan tenggelamlah bangsa kita dilanda arus zaman apabila kita tidak cukup awas dan waspada. Ancaman komunis berjalan dengan lancar dan teratur. Dahulu hanya di hutan-hutan tetapi sekarang mereka telah bermaharajalela di bandar-bandar, di desa-desa dan ke dalam parti-parti politik. Sesudah mereka mendapat kejayaan di lapangan ekonomi, maka sekarang mereka cuba mengejar kemenangan di lapangan politik, ini adalah merupakan titik terakhir bagi keselamatan dan kejayaan bangsa kita di Tanah Melayu. Semua dunia memandang dengan cemas kemunduran-kemunduran bangsa Melayu di lapangan ekonomi dan pendidikan, maka hendaknya dalam hal-hal inilah yang harus dikejar dan ditebus oleh bangsa Melayu kalau ingin maju dan jaya dan dihormati pada masa yang akan datang. Kekalahan-kekalahan di bidang ekonomi dan pendidikan dapat diatasi hanya dengan kemenangan di lapangan politik

dan ketatanegaraan. Bangsa Melayu dan agamanya akan hancur apabila mereka kalah pula di lapangan politik. Dengan hal yang demikian sudah sampai waktunya bagi bangsa kita untuk menginsafi nasibnya yang sedang terancam itu. Mereka adalah tuan punya rumah dan penduduk asli negeri ini, maka hendaknya mereka harus bersikap jantan dan tidak ragu-ragu dalam bertindak. Rasa beralah yang bukan pada tempatnya harus dikuburkan sekarang ini, sekarang juga! Bukan sesudah tanah pusaka dan agama kita tergadai. Dengan alasan-alasan demikianlah makanya kami merasa bersyukur sekali, ya, rupa-rupanya bangsa kami dan agama kami masih dikehendaki oleh Tuhan akan kejayaan dan kemenangannya. Kehendak Tuhan dan janjinya tetap berlaku dan akan berlaku, tidak ada sesiapa yang dapat menghalanginya.

Kemenangan Islam di Tanah Melayu

Memperkatakan tentang kemenangan parti Islam di Tanah Melayu maka seorang tokoh besar Islam di sini yang tak mau

namanya disebut menyatakan rasa gembira dan syukurnya kepada Allah serta mengharapkan kemenangan-kemenangan selanjutnya, pemilihan anggota parlimen sehingga dalam waktu yang singkat “*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafūr*”, negara bahagia di bawah perlindungan Tuhanyang Maha Pengasih, dapat berdiri di Tanah Melayu ini untuk mengimbangi kekuatan-kekuatan dan kegiatan-kegiatan komunis dan kaum fasik yang makin lama makin hebat berlagak dan menindas umat Islam di mana-mana.

Selanjutnya dapat diterangkan bahawa pada umumnya umat Islam di Indonesia amat bergembira sekali dengan kemenangan yang telah dicapai oleh parti Islam di Tanah Melayu dan mengharapkan bahawa Tanah Melayu hendaknya menjadi pelopor dalam usaha menegakkan kalimah Allah di Asia Tenggara ini sesudah umat Islam di Indonesia tersangkak buat sementara.

Seperti yang sudah diketahui bahawa usaha terakhir yang telah diperjuangkan oleh umat Islam Indonesia untuk mencapai keredaan Allah itu ialah melalui Dewan Undangan, tetapi kerana kalah kuat dan kalah suara maka usaha itu akhirnya menimbulkan kegagalan, terutamanya dengan dibubarkan Dewan Undangan itu oleh kepala negara dan kembalinya kepada Undang-undang Dasar tahun 1945. Tuhan sahajalah yang mengetahui betapa hebatnya penderitaan batin yang sedang dihadapi oleh umat Islam Indonesia sekarang ini. Tetapi sebagai orang Islam maka mereka pantang putus harapan, perjuangan suci itu akan dilanjutkan dengan menempuh rintangan-rintangan dan penderitaan sehingga ideologi Islam mendapat kemenangan dan hukum Allah akan berlaku di Indonesia.

Kesungguhan umat Islam Indonesia yang luar biasa itu harus ditiru oleh umat Islam di Tanah Melayu

dalam usaha perjuangan mencapai keredhaan Allah *subhānahu wa ta’ālā* sehingga sebuah negara yang adil dan makmur dapat berwujud dengan segala kesempurnaannya.

Sebenarnya ada beberapa alasan dan sebab penting yang mendorong kita untuk menegakkan ideologi Islam di negara kita ini, antara lain dapat dikemukakan:


1. Bangsa Melayu selaku tuan punya negeri ini seratus peratus beragama Islam dan raja-raja pun beragama Islam.
2. Kerajaan-kerajaan Melayu sebenarnya sudah merupakan negara Islam kerana sudahpun melaksanakan hukum-hukum Islam itu walaupun banyak kekurangannya atau belum dapat dikatakan seratus peratus Islam.
3. Agama rasmi negara kita adalah agama Islam maka hendaknya segenap sendi dan lapangan hidup haruslah diatur menurut ajaran Islam sehingga Islam itu tidak hanya sebagai lambang belaka.
4. Hukum Islam itu pertamanya berlaku atas warganegara Islam. Adapun yang bukan Islam mereka dapat memilih dan bebas hidup dengan peraturan dan kepercayaan agama masing-masing. Dalam hal ini Islam mempunyai asas-asas hukum dan peraturannya yang tersendiri, yang dapat menjamin kemerdekaan dan kebahagiaan warganegara yang bukan Islam.
5. Pada umumnya umat Islam Indonesia mengharapkan supaya di Tanah Melayu dapat dibentuk negara Islam, sesuai dengan agama rasminya agama Islam.
6. Hanya agama Islamlah yang menjamin kebahagiaan

dan keselamatan manusia, baik di dunia maupun di akhirat dengan peraturan-peraturannya yang tidak ada bandingannya.

7. Di Asia Tenggara umat Islam yang merupakan penduduk yang terbanyak hanya di Tanah Melayu, Pakistan dan Indonesia, maka Tanah Melayu diharapkan menjadi negara Islam yang kuat dan jaya.

Dengan alasan-alasan ini rasanya cukuplah untuk dijadikan jawapan atas pertanyaan, mengapa kita menghendaki wujudnya negara Islam di Tanah Melayu ini dengan segala kesempurnaan dan kejayaannya.

Marilah kita berjuang untuk kejayaan bangsa dan kemenangan Islam kita. Mari kita berdoa untuk kemenangan Islam dan marilah kita berkorban untuk mencapai keredaan-Nya Allah *'azza wa jalla*.



Gambar kenangan pelajar-pelajar madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, Pokok Sena Kepala Batas Seberang Prai, yang telah tamat mendapat kelulusan di dalam darjah yang akhir sekali bagi tahun 1958, bahagian al-Thāni min al-Qismu al-Ālī. Gambar menunjukkan 12 orang pelajar yang telah lulus itu bersama-sama dengan mudir dan guru-guru mereka. Bertanda (1) ialah Tuan Haji Ahmad Tuan Husin, Mudir Madrasah itu dan juga bekas ahli mesyuarat undangan Federal, manakala yang bertanda (2) ialah Tuan Haji Munir anggota Ikhwan 534. – kiriman Haji Ishak.